

Headline	<b>Najib lancar siaran TV percuma guna satelit</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>13 May 2010</b>	Page No	<b>6</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>107 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>1,459</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>4,377</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>		



## **Najib lancar siaran TV percuma guna satelit**

**S**IUBU: Kerajaan Barisan Nasional (BN) malam tadi mengotakkan satu lagi janji untuk rakyat dengan pelancaran siaran RTM melalui satelit untuk 200,000 penduduk di pedalaman Sarawak dan Sabah yang disempurnakan oleh Datuk Seri Najib Razak.

Pelancaran berkenaan dijayakan melalui kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, RTM dan Astro bagi membolehkan masyarakat di pedalaman kedua-dua negeri menikmati siaran televisyen melalui pakej percuma.

Ita bakal membolehkan masyarakat terabit menikmati siaran saluran TV1, TV2, TV3 dan beberapa saluran Astro yang bakal ditentukan kemudian.

Perdana Menteri ketika melancarkannya pada majlis makan malam bersama komuniti perniagaan di bandar ini, di sebuah hotel di sini berkata, kerajaan BN tidak pernah melupakan janji meningkatkan kualiti hidup masyarakat,

termasuk melalui penyediaan saluran televisyen lebih sempurna untuk masyarakat di pedalaman.

"BN kalau buat janji, kita akan menunaikan janji itu. Kita harus dengar pada ucapan, bukannya mendengar hasutan, apatah lagi janji seperti janji 16 September yang tidak menjadi kenyataan," katanya.

Najib turut menyerahkan komputer riba 1Malaysia untuk 1,000 pelajar sekolah di Parlimen Sibu sebagai sebahagian usaha kerajaan merealisasikan Inisiatif Jalur Lebar Negara dan Perkhidmatan Jalur Lebar Kelajuan Tinggi yang dilancarkan di Kuala Lumpur, 24 Mac lalu.

Komputer dibangunkan Mimos Bhd itu bakal membolehkan pelajar terabit melayari internet melalui perkhidmatan jalur lebar seperti WiFi, sistem 3G atau HSDPA dan Wi-MAX.

Sehubungan itu, Najib meminta komuniti perniagaan dan pengundi yang lain di kawasan ini supaya memberi sokongan padu kepada calon BN, Robert Lau Hui Yew, Ahad ini.